



GARIS PANDUAN

Pengurusan Pembukaan Semula Pusat Muzik Yamaha



1. TUJUAN

1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pentadbiran dan cikgu di Pusat Muzik Yamaha tentang pengurusan dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengawal penularan jangkitan penyakit Coronovarius 2019 (COVID-19).

2. LATAR BELAKANG PUSAT MUZIK YAMAHA

2.1 Pelajaran di pusat muzik Yamaha dilakukan dalam dua segmenisasi yang berbeza, iaitu secara berkumpulan (sebelum PKP/PKPB) dan secara individu (sebelum PKP/PKPB).

2.1.1 Pelajaran Secara Berkumpulan (sebelum PKP/PKPB)

- Umur pelajar adalah antara kanak-kanak berumur dua (2) tahun hingga limabelas (15) tahun.
- Ibu , bapa atau penjaga **mesti** menemani kanak-kanak berumur dua (2) tahun hingga lima (5) tahun untuk pelajaran mingguan
- Bilangan orang dalam kelas
Minimum: Sepuluh (10) orang kanak-kanak serta ibu/bapa/penjaga dan seorang (1) cikgu.

Maksimum: Dua puluh dua (22) orang kanak-kanak termasuk ibu/bapa/penjaga dan seorang (1) cikgu.

2.1.2 Pelajaran Secara Individu (sebelum PKP/PKPB)

- Umur pelajar adalah antara kanak-kanak berumur enam (6) tahun ke atas.
- Ibu bapa tidak perlu menemani kanak-kanak untuk pelajaran mingguan
- Bilangan orang dalam kelas
Minimum: Seorang (1) murid dan seorang (1) cikgu

Maksimum: Dua (2) orang murid dan seorang (1) cikgu



2.2 Francaisor Yamaha Music (Malaysia) Sdn Bhd akan mengumumkan kepada pemegang francais tarikh pembukaan semula Pusat Muzik Yamaha. Ini bertujuan untuk memastikan pengurusan pusat muzik dapat membuat persediaan dengan memberi keutamaan kepada keselamatan dan kesihatan murid, cikgu, ibu bapa/penjaga serta warga pusat muzik Yamaha.

3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab umum pihak yang terlibat adalah seperti yang berikut:

3.1 Pentadbir Pusat Muzik Yamaha

- 3.1.1 memastikan pusat muzik berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi;
- 3.1.2 memastikan murid, cikgu, ibu bapa/penjaga dan warga pusat muzik Yamaha yang hadir ke pusat ini berada dalam keadaan sihat dan selamat;
- 3.1.3 memberikan penerangan dan pendidikan berterusan kepada murid, guru dan warga pusat muzik mengenai penularan jangkitan COVID-19 dengan memperincikan kepentingan penjagaan kesihatan seperti mencuci tangan dan menggunakan pensanitasi tangan (hand sanitizer), penggunaan pelitup muka apabila perlu serta kepentingan amalan penjarakan sosial;
- 3.1.4 memastikan murid, cikgu, ibu bapa/penjaga dan warga pusat muzik Yamaha mematuhi garis panduan yang ditetapkan;
- 3.1.5 memantau pengajaran yang dijalankan dan memberikan sokongan yang bersesuaian kepada cikgu;
- 3.1.6 membuat keputusan untuk menangani isu pengoperasian pusat muzik Yamaha berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan.

3.2 Cikgu Pusat Muzik Yamaha

- 3.2.1 melaksanakan pengajaran yang bersesuaian dengan kesediaan murid dan situasi semasa.
- 3.2.2 mengingatkan murid untuk sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan penjarakan sosial.



3.3 Ibu Bapa/Penjaga

- 3.3.1 memastikan anak/anak jagaan berada dalam keadaan sihat, menjaga kebersihan diri dan tidak menunjukkan gejala awal COVID-19 sebelum hadir ke pusat muzik Yamaha.
- 3.3.2 membantu anak/anak jagaan belajar mengikut kemampuan ibu bapa/penjaga
- 3.3.3 memberi motivasi kepada anak/anak jagaan untuk terus belajar

4. PELAKSANAAN

4.1 Perlaksanaan Norma Baharu

Semua pentadbir pusat muzik Yamaha perlu mengamalkan norma baharu apabila meneruskan operasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) kerana penularan wabak COVID-19 masih belum dapat ditangani sepenuhnya. Antara norma baharu yang perlu diberi perhatian ialah:

- 4.1.1 mendaftarkan diri dan melakukan pemeriksaan suhu badan
- 4.1.2 kebersihan tangan menggunakan sabun atau pensanitasi tangan (*hand sanitizer*)
- 4.1.3 penggunaan pelitup muka (*face mask*) adalah digalakkan pada setiap masa dan diwajibkan dalam keadaan tertentu
- 4.1.4 penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter
- 4.1.5 fokus utama pembersihan dan nyah kuman adalah pada permukaan yang boleh dicapai oleh tangan seperti tombol pintu, suis lampu, peralatan muzik, susur tangan di laluan pergerakan murid dan ibu, bapa atau penjaga.



- 4.1.6 menyediakan pelan laluan pergerakan terarah atau sehala.Tanda penjarakan diletakkan untuk memandu arah pergerakan murid, ibu bapa dan warga pusat muzik Yamaha dalam kawasan pusat muzik Yamaha
- 4.1.7 menyediakan tong sampah bertutup dan dipastikan sentiasa ditutup

4.2 Keselamatan Murid, Cikgu, Ibu Bapa/Penjaga dan Warga Pusat Muzik Yamaha

- 4.2.1 memastikan murid, cikgu, ibu bapa/penjaga dan warga pusat muzik berada dalam keadaan sihat untuk hadir. Pemakluman awal perlu diberikan kepada mereka sebelum pusat muzik Yamaha dibuka semula.
- 4.2.2 memastikan murid, cikgu, ibu bapa/penjaga dan warga pusat muzik sentiasa mematuhi penjarakan sosial pada setiap masa.
- 4.2.3 mengingatkan murid, cikgu, ibu bapa/penjaga dan warga pusat muzik untuk mematuhi dan menggunakan laluan pergerakan yang disediakan.

5. PENUTUP

Perlaksanaan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Pusat Muzik Yamaha ini diharap dapat memastikan pengurusan pusat muzik dan proses pelajaran beroperasi dengan lancar.

Semua pusat muzik Yamaha hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini. Yamaha Music (Malaysia) akan memantau pelaksanaan pengurusan pusat muzik Yamaha bagi memastikan pematuhan kepada garis panduan ini.